

SOALAN LAZIM

PROGRAM DWIBAHASA

DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)

Definisi:

a) DLP

Program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran Sains, Kejuruteraan, Teknologi dan Matematik (STEM) yang lain.

b) Sekolah DLP

Sekolah yang telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain.

c) Guru DLP

Guru Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang mengajar mata pelajaran tersebut dalam bahasa Inggeris sepenuhnya.

d) Kelas DLP

Kelas yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris sepenuhnya bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain.

e) Murid DLP

Murid yang mengikuti PdP mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain dalam bahasa Inggeris sepenuhnya dengan kebenaran ibu bapa.

f) Mata pelajaran terlibat dalam DLP

Mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris iaitu mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain.

SOALAN LAZIM
KATEGORI - DASAR

Bil.	Soalan	Jawapan
1	Apakah yang dimaksudkan dengan Dual Language Programme (DLP)?	Dual Language Programme (DLP) adalah program yang diperkenalkan di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris sepenuhnya selain daripada bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, serta Reka Bentuk dan Teknologi.
2	Bagaimana DLP menyokong dasar pendidikan?	Selaras dengan aspirasi PPPM agar murid menguasai kemahiran dwibahasa, DLP memberi peluang kepada murid untuk mengguna pakai bahasa Inggeris melalui mata pelajaran Matematik, Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, serta Reka Bentuk dan Teknologi. DLP membolehkan masyarakat Malaysia meningkatkan akses bagi penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat global.
3	Adakah ini satu cara berbalik kepada dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)?	<p>Tidak. DLP adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah, manakala PPSMI adalah suatu dasar yang dilaksanakan di semua sekolah.</p> <p>Dasar MBMMBI diperkenalkan untuk memastikan murid boleh menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan fasih dan betul. Di bawah dasar MBMMBI, Kementerian mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi penguasaan bahasa dengan memperkenalkan 23 program. Kini, Kementerian memperkenalkan 2 program baharu iaitu Program Imersif Tinggi (<i>Highly Immersive Programme</i>, HIP) dan Program Dwibahasa (<i>Dual Language Programme</i>, DLP).</p> <p>Langkah ini akan meningkatkan pendedahan terhadap bahasa Inggeris bagi memperkukuh kemahiran berbahasa Inggeris. Dengan pelaksanaan DLP,</p>

		Kementerian akan menilai sekolah yang mempunyai keupayaan dan sumber yang sedia ada dengan sewajarnya untuk memastikan keberkesanan program ini bagi sekolah-sekolah yang terlibat.
4	Tidakkah kelas bahasa Inggeris mencukupi untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris?	<p>Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa tempoh pendedahan yang lebih lama berbanding kadar semasa (15-20%) diperlukan untuk murid menguasai bahasa Inggeris (PPPM).</p> <p>DLP mendedahkan murid kepada masa pengajaran dan pembelajaran yang lebih lama dari kadar semasa yang diperuntukkan untuk dalam mata pelajaran bahasa Inggeris.</p>
5	Adakah semua sekolah diwajibkan untuk melaksanakan DLP?	Sekolah diupayakan untuk membuat pilihan berdasarkan kriteria yang telah digariskan. Sekolah boleh mengemukakan permohonan kepada PPD dan JPN. Pelaksanaan DLP adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian berlandaskan kesediaan sekolah.
6	Adakah UPSR di sediakan dalam dwi bahasa?	Ya. Kertas UPSR bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan disediakan dalam dwibahasa.
7	Adakah PT3 di sediakan dalam dwi bahasa?	Ya. Kertas PT3 bagi mata pelajaran Sains dan Matematik akan disediakan dalam dwibahasa.
8	Apakah bahasa pengantar yang akan digunakan bagi pentaksiran pusat bagi UPSR, PT3, SPM & STPM	Murid-murid yang mengikuti DLP akan dinilai dalam bahasa Inggeris. Bagi murid-murid yang lain, mereka akan menjawab soalan tersebut dalam bahasa pengantar masing-masing.

9	Adakah pentaksiran sekolah dan peperiksaan pusat akan menggunakan dwi bahasa?	<p>Ya. Peperiksaan pusat akan kekal menggunakan dwi bahasa. Pentaksiran di peringkat sekolah juga perlu disediakan dalam dwi bahasa.</p> <p>Murid-murid yang mengikuti DLP akan dinilai dalam bahasa Inggeris. Bagi murid-murid yang lain, mereka akan menjawab soalan tersebut dalam bahasa pengantar masing-masing.</p>
10	Adakah murid dibenarkan untuk menjawab soalan peperiksaan dalam kedua-dua bahasa?	<p>Tidak. Murid hanya dibenarkan menjawab sama ada dalam bahasa Melayu sepenuhnya atau bahasa Inggeris sepenuhnya.</p> <p>Murid-murid yang mengikuti DLP akan dinilai dalam bahasa Inggeris. Bagi murid-murid yang lain, mereka akan menjawab soalan tersebut dalam bahasa pengantar masing-masing.</p>
11	Bagaimanakah KPM menangani isu penguasaan bahasa Inggeris guru-guru Matematik, Sains dan mata pelajaran STEM	<p>Jangka pendek ELTC akan membantu dengan menjalankan program latihan peningkatan profiensi Bahasa Inggeris dalam kalangan guru yang mengikuti DLP.</p> <p>Jangka panjang KPM akan memastikan Institusi Pendidikan Guru melengkapkan guru-guru pelatih dengan kemahiran untuk mengajar mata pelajaran tersebut dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, guru-guru ini adalah guru opsyen Bahasa Inggeris (major atau minor).</p>
12	Adakah guru-guru Sains dan Matematik akan dibayar BISP?	Tidak.
13	Adakah guru-guru akan diberikan latihan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam DLP bagi tahun 2016?	Tidak kerana sekolah yang terpilih adalah sekolah yang telah bersedia untuk uji rintis. ELTC akan membantu dengan menjalankan program latihan peningkatan profiensi Bahasa Inggeris dalam kalangan guru yang mengikuti DLP pada tahun 2017 dan tahun berikutnya.

14	Bagaimanakah kelas DLP dapat diteruskan sekiranya terdapat pertukaran guru?	JPN, PPD dan PGB perlu memastikan tenaga guru yang berkemampuan untuk mengajar kelas DLP cukup sepanjang program ini dilaksanakan sekiranya berlakunya pertukaran guru.
----	--	---

KATEGORI - SEKOLAH

Bil.	Soalan	Jawapan
1	Apakah kriteria pelaksanaan DLP yang perlu dipenuhi?	<p>Sekolah perlu memenuhi kriteria berikut untuk memohon melaksanakan DLP:</p> <ol style="list-style-type: none"> I. Sumber yang mencukupi; II. Kesediaan Pengetua/ Guru Besar dan guru untuk melaksanakan DLP; III. Permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan IV. Pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan
2	Bagaimanakah sekolah boleh memohon untuk melaksanakan program DLP?	<p>Pihak sekolah boleh memanjangkan permohonan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing. PPD akan menjalankan tinjauan/ pemeriksaan sewajarnya ke atas sekolah berkenaan. Sekiranya sekolah disahkan bersedia untuk melaksanakan program ini, permohonan tersebut akan dimajukan kepada JPN. JPN akan memanjangkan permohonan ini kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) untuk penilaian terakhir dan kelulusan KPM.</p>
3	Sekiranya sekolah tidak dipilih untuk menyertai DLP, bolehkah pihak sekolah membuat rayuan?	<p>PGB boleh membuat rayuan kepada PPD dan rayuan akan dipertimbangkan oleh KPM.</p>
4	Selain Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), bolehkah Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) melaksanakannya DLP?	<p>Sekolah Jenis Kebangsaan boleh membuat rayuan di Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing untuk dipertimbangkan oleh KPM.</p>

5	Bagi sekolah berenrolmen rendah, saiz kelas mungkin kurang daripada 15 orang dan tidak memenuhi syarat minima untuk membuka kelas DLP. Adakah sekolah dibenarkan untuk membuka kelas DLP?	<p>Ya, sekiranya semua ibu bapa bersetuju untuk membenarkan anak mereka menyertai DLP.</p> <p>Sekiranya terdapat mana-mana ibu bapa yang tidak bersetuju, maka sekolah perlu meneruskan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu.</p>
6	Adakah sekolah boleh menawarkan DLP di Tahun 1 dan tidak di Tahun 4?	<p>Tidak. Sekolah perlu menawarkan DLP di Tahun 1 dan Tahun 4.</p>
7	Sekiranya pihak sekolah memenuhi semua kriteria DLP dan ingin menawarkan pdp bagi SEMUA kelas Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1 dalam bahasa Inggeris, adakah ia dibenarkan?	<p>Ya, sekiranya pihak sekolah menerima persetujuan bertulis daripada semua ibu bapa di kelas Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1.</p>
8	Jika ibu bapa mahukan DLP tetapi sekolah tidak berminat, apakah yang boleh dilakukan oleh ibu bapa?	<p>Sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 pelajar dengan kebenaran daripada ibu bapa yang berminat untuk mengikuti DLP, sekolah tersebut perlu cuba untuk menampung permintaan itu. Pentadbir sekolah perlu mempertimbangkan permohonan tersebut dan berbincang dengan pihak PPD dan JPN. Perbincangan atau dialog berterusan perlu diadakan di antara pihak sekolah, ibu bapa dan PPD untuk membuat perancangan yang dapat memuaskan hati semua pihak.</p>

9	Bagaimana sekiranya ibu bapa ingin anak mereka menarik diri dari DLP selepas mula mengikuti program ini?	<p>Murid tidak dibenarkan menarik diri daripada program DLP. Keputusan murid individu untuk mengikuti kelas DLP adalah berdasarkan kemahuan ibu bapa. Ibu bapa digalakkan untuk membuat pertimbangan serius berdasarkan kesediaan murid dan berpandukan khidmat nasihat pihak sekolah sekiranya perlu.</p> <p>Setelah persekolahan bermula, murid tidak dibenarkan masuk atau keluar daripada program DLP dalam pertengahan pelaksanaan program.</p> <p>Sekiranya murid ketinggalan dalam mata pelajaran akibat penguasaan yang lemah dalam bahasa pengantar yang digunakan, pihak ibu bapa perlu memberi kerjasama dan membantu sekolah dalam memberikan sokongan intervensi.</p>
10	Adakah murid akan diberi sokongan seperti diberi program transisi sekiranya berpindah dari sekolah yang melaksanakan DLP ke sekolah yang tidak melaksanakan DLP atau sebaliknya?	<p>Sekolah asal harus memberi khidmat nasihat kepada ibu bapa tentang risiko yang mungkin akan dihadapi oleh murid sekiranya berpindah dari sekolah yang melaksanakan DLP ke sekolah yang tidak melaksanakan DLP atau sebaliknya.</p> <p>Sekolah yang menerima murid tersebut digalakkan untuk membantu murid menghadapi transisi ini.</p>
11	Siapakah yang perlu saya hubungi sekiranya saya ingin memperoleh maklumat lanjut?	<p>Pihak ibu bapa boleh menghubungi pihak sekolah dan sekolah akan menyalurkan soalan tersebut kepada pegawai PPD atau JPN bagi mendapatkan maklumat lanjut.</p> <p>Selain daripada itu, pihak terlibat boleh menghubungi DLP@padu.edu.my untuk sebarang pertanyaan berkenaan DLP.</p>

12	Jika hanya ada guru Matematik yang bersedia menjalankan DLP, sedangkan guru Sains enggan menjalankan DLP, bolehkan sekolah menawarkan hanya Matematik dan Bahasa Inggeris sedangkan Sains dalam Bahasa Melayu?	<p>Tidak. Setiap kelas yang menjalankan DLP mestilah menawarkan kedua-dua Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.</p>
13	Adakah bahan dan peralatan tambahan bagi Sains/ Matematik akan dibekalkan bagi sekolah yang menjalankan DLP?	<p>Tidak. Sekolah perlu menggunakan sumber sedia ada. Pihak KPM hanya akan membekalkan buku teks, buku rujukan tambahan, DSKP, OPSME untuk kegunaan guru dan murid.</p>
14	Adakah sekolah DLP akan dibekalkan dengan bahan Bantu Mengajar seperti teaching courseware?	<p>Tidak. Sekolah perlu menggunakan sumber sedia ada</p>
15	Adakah bahan sokongan tambahan disediakan bagi sekolah yang menjalankan DLP bagi Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1?	<p>Ya. Buku rujukan dalam pasaran yang dipilih oleh Kementerian akan dipilih dan dibekalkan untuk kegunaan guru sebagai bahan rujukan tambahan dalam pelaksanaan DLP tahun 2016 sahaja. Ia akan ditempatkan di pusat sumber sekolah.</p>
16	Adakah DSKP akan diterjemahkan ke dalam BI?	<p>Ya. DSK, DSP dan DSKP untuk sekolah rendah akan diterjemahkan. HSP untuk tingkatan 1 telah sedia ada dalam Bahasa Inggeris untuk kegunaan 2016.</p>

17	Adakah pihak sekolah perlu menyediakan soalan dalam dwibahasa?	Ya. Sekolah mesti menyediakan soalan yang setara untuk murid DLP dalam bahasa inggeris dan untuk murid bukan dalam kelas DLP dalam bahasa Malaysia
18	Sekiranya murid berpindah di pertengahan tahun daripada sekolah yang tidak menjalankan DLP, ke sekolah yang menjalankan DLP dan memohon untuk menyertai kelas DLP, adakah ini dibenarkan?	Boleh, sekiranya murid dan ibu bapa bersetuju untuk mengikuti program tersebut.
19	Bagaimana sekiranya murid berpindah di pertengahan tahun daripada sekolah yang menjalankan DLP, ke sekolah yang tidak menjalankan DLP?	Murid tersebut perlu mengikuti PdP seperti yang ditawarkan di sekolah tersebut.

20	Simulasi: Sekiranya terdapat 4 kelas bagi tahun 1, dan terdapat 15 orang murid yang hendak menyertai DLP, dan terdapat guru yang bersedia untuk mengajar Sains dan Matematik dalam BI adakah pihak sekolah perlu membuka kelas baru (tambahan) menjadikan 5 kelas tahun 1. Adakah pihak sekolah boleh memohon guru tambahan?	<p>Tidak, kerana bilangan kelas perlu dikekalkan kerana tiada tambahan guru dibenarkan. Sekolah perlu menggunakan sumber tenaga pengajar sedia ada.</p>
21	Simulasi: Sekiranya terdapat 15 orang murid dalam permulaan kelas DLP dan bilangan murid menurun hingga 10 orang pada pertengahan tahun, adakah kelas tersebut perlu ditutup?	<p>Sekolah boleh terus melaksanakan program tersebut. Perbincangan atau dialog perlu diadakan di antara pihak sekolah, ibu bapa dan PPD untuk menangani isu tersebut.</p>
22	Adakah pihak sekolah boleh memulakan DLP di pertengahan tahun?	<p>Tidak, kerana ia akan mengganggu pembelajaran murid.</p>

23	Adakah pihak sekolah boleh memulakan DLP bagi murid tahun 2, sedangkan di tahun 1 murid tersebut belajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu?	Tidak, murid mesti memulakan DLP di Tahun 1 atau Tahun 4 mulai tahun 2016.
24	Simulasi: Bagi sekolah kurang murid (SKM) yang hanya mempunyai 14 orang murid bagi satu kelas dan kesemuanya bersetuju untuk mengikuti DLP dan keempat-empat syarat telah dipenuhi, adakah sekolah tersebut dibenarkan untuk terlibat dalam DLP?	Ya. Pihak KPM membenarkan sekolah tersebut menjalankan DLP kerana ia merupakan sekolah kurang murid (SKM) dan telah memenuhi keempat-empat syarat.
25	Simulasi: Bagi sekolah kurang murid (SKM) yang mempunyai 20 orang murid, 15 daripadanya bersetuju untuk mengikuti DLP dan 5 orang lagi tidak bersetuju. Adakah pihak sekolah perlu membuka 2 kelas bagi mata pelajaran Matematik dan Sains?	Sekiranya pihak sekolah boleh menyediakan 2 kelas tanpa meminta tambahan guru, pihak sekolah boleh menjalankan DLP. Sekiranya, pihak sekolah mempunyai kekangan dari segi penyediaan guru, sekolah tersebut tidak boleh menjalankan DLP kerana tidak memenuhi salah satu daripada syarat yang ditetapkan.

26	Adakah guru yang telah bersetuju untuk mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, boleh menarik diri setelah beberapa bulan menjalankan DLP?	<p>Pihak sekolah, PIBG dan PPD perlu memastikan guru bersetuju dan bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Matematik, Sains dalam bahasa Inggeris sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan DLP pada tahun 2016.</p> <p>Sekiranya terdapat guru yang ingin menarik diri, pihak sekolah, PIBG dan PPD perlu mengenalpasti masalah yang dihadapi dan cuba mengatasinya.</p>
27	Bolehkah sesi pengajaran dan pembelajaran DLP dijalankan dalam kedua-dua bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)?	<p>Tidak. PdP perlu dijalankan dalam satu bahasa sahaja, sama ada dalam bahasa Melayu sepenuhnya ataupun bahasa Inggeris sepenuhnya.</p>

KATEGORI – MURID

Bil.	Soalan	Jawapan
1	Adakah murid dibenarkan untuk terus mempelajari mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain dalam bahasa Melayu di sekolah yang melaksanakan DLP?	Ya. Pihak sekolah perlu memastikan murid tersebut terus mempelajari mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain dalam bahasa Melayu berdasarkan kemahuan ibu bapa, kerana bahasa Malaysia adalah bahasa penghantar utama di sekolah.
2	Sekiranya murid telah mempelajari mata pelajaran DLP dalam bahasa Melayu pada tahap persekolahan terdahulu, adakah ianya sukar bagi mereka untuk mempelajari mata pelajaran tersebut dalam bahasa Inggeris pada tahap persekolahan seterusnya?	<p>Sekolah digalakkan untuk membantu murid dengan menjalankan program transisi khususnya murid Tahun 4 dan Tingkatan 1 yang baru menyertai DLP.</p> <p>Contohnya, pihak sekolah boleh mengadakan program OPSME untuk membiasakan murid dengan istilah-istilah pengajaran dan pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.</p>
3	Adakah ibu bapa perlu menandatangani apa-apa surat persetujuan untuk anak mereka menyertai program ini?	Ya, ibu bapa perlu menandatangani surat persetujuan pada minggu pertama persekolahan 2016.

4	Adakah murid yang belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Malaysia di Tahun 1 2015 boleh mengikuti DLP di Tahun 2 pada 2016?	Tidak. Murid perlu memulakan DLP di Tahun 1 atau Tahun 4 pada tahun 2016.
5	Adakah semua murid yang menjalani DLP dibekalkan dengan buku teks?	Ya, buku teks KBSR (versi bahasa Inggeris) akan dibekalkan oleh pihak Kementerian kerana kandungan kurikulum yang hampir sama.

TAMAT